

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9 July 2015

Kabinet tak beri Najib tekanan letak jawatan

BH - 9/7/2015

Putrajaya: Kabinet tidak memberi tekanan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, untuk melepaskan jawatan berkait dakwaan yang dibuat akhbar *The Wall Street Journal* (WSJ) berhubung transaksi wang ke akaun peribadi beliau.

Sebaliknya, kata Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin, Kabinet masih teguh bersatu dan berpandangan bahawa proses undang-undang perlu bejjalan sebelum memberi sebarang ulasan lanjut berhubung isu itu.

"Kabinet yang bermesyuarat hari ini (semalam) ada membincangkan isu semasa. Perbincangan dimulakan Perdana Menteri, yang menjel[^]askan kepada kami bahawa beliau dalam pertimbangan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap WSJ.

Anggota Kabinet nyatakan sokongan "Seperti yang diketahui, peguam Perdana Menteri sudah menghantar surat tuntutan (kepada WSJ), malah Pasukan Petugas Khas kini turut menjalankan siasatan mereka. Jadi, kita tunggu hasil siasatan ini, buat masa sekarang masih terlalu awal untuk memberi sebarang ulasan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penyerahan Felo Perdana kepada Menteri Kabinet yang disempumakan Najib di sini, semalam.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan

takan sokongan unUik bersama-sama Najib dalam menghadapi WSJ berhubung penyaluran dana ke akaun peribadinya.